



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "BUDAYA MEMBACA MEMPERKAYA MINDA"

12 Januari 2024 / 30 Jamadil Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدًى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَ عَلَى الَّذِينَ كُفَّارٌ وَكَفَّارٌ بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalbun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: "**BUDAYA MEMBACA MEMPERKAYA MINDA**"

Firman Allah SWT, ayat 1 hingga 5 surah al-'Alaq:

﴿أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلِيقٍ ﴿٢﴾ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَمَ  
﴿بِالْقَلْمَنِ ﴿٤﴾ عَلَمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾﴾

Bermaksud: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menjadikan (sekalian makhluk). Dia menjadikan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah dan Tuhanmu jualah Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan Dia mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya.

Sewaktu menyampaikan wahyu pertama, Malaikat Jibril AS, diperintahkan mengajar Nabi SAW yang buta huruf untuk membaca, diulangi tiga kali perkataan BACALAH KAMU, memberi mesej atau peringatan besar kepada ummah bahawa

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



membaca merupakan perantara terpenting, menjayakan penyampaian wahyu llahi, dan pada hari ini merupakan amalan yang sangat penting membolehkan manusia mengenali ilmu, menerokai pengetahuan dan menemui makluman. Kesungguhan Jibril AS mengajar Rasulullah SAW membaca menunjukkan penekanan tinggi terhadap perintah membaca. Membaca sangat penting diamalkan setiap hari. Amalan membaca terbukti berupaya memperkayakan minda insan, mengangkat seseorang insan bermartabat ilmuwan, serta mencanai insan memiliki ketinggian budi serta kesopanan bahasa.

### **Muslimin Rahimakumullah**

Al-Quran merupakan kitab ilmu, asas bagi segala ilmu pengetahuan, merangkumi pelbagai disiplin, mencakupi pelbagai aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi. Ayat-ayat Al-Quran yang dibaca, difahami, dihayati lalu diamalkan akan membentuk akal yang sihat dan minda yang membangun, mengajak manusia berfikir (tafakur), mendalami makna-maknanya (tadabbur), memahami (tafaqquh), mengambil peringatan (tazakkur), dan menggunakan akal (taakul).

Seruan membaca yang merupakan wahyu dan perintah pertama yang diturunkan, mengabsahkan betapa membaca adalah kunci untuk membuka pintu khazanah ilmu dan gedung pengetahuan. Allah SWT akan mempersoalkan mereka yang hatinya terkunci kerana tidak mahu membaca dan mendalami kandungan al-Quran. Betapa pentingnya keupayaan membaca dikuasai, telah diperlihatkan oleh Rasulullah SAW. Selepas Perang Badar, Baginda membuat tawaran pembebasan tawanan musyrik, dengan syarat para tawanan perang itu berjaya mengajar anak-anak orang Islam kemahiran membaca.

### **Mukminin yang dikasihi**

Budaya ilmu yang dipupuk melalui pembacaan akan mempengaruhi cara hidup manusia membina dan membangunkan diri, keluarga, masyarakat, institusi dan negara. Membaca ialah jambatan ilmu yang akan menghubungkan manusia dapat mengenali Pencipta Nya, memahami fitrah diri, menyedari peranan dan tanggungjawabnya, mentafsir alam semesta dan dunia seisinya. Ketajaman akal dan minda dapat diasah melalui pembacaan kerana membaca melatih otak keupayaan berfikir, di samping memberikan kesan positif terhadap kesihatan mental dan fizikal.

Kemajuan teknologi pada hari ini, telah memudahkan manusia untuk bukan sahaja membaca malah untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan dengan lebih mudah dan lebih murah. Buku berbentuk fizikal telah diganti dengan e-book atau buku elektronik



yang boleh diperoleh dalam talian. Dalam lautan ilmu dan bahan bacaan yang begitu luas, manusia wajib bijak, memilih, menyaring, menapis bahan yang dibaca agar bahan yang dibaca memberi manfaat dan tidak merosakkan fikiran atau memesongkan akidah pembaca.

### **Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan**

Kajian menunjukkan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap rendah. Penilaian yang dijalankan oleh Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) pada Mac 2023 menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-57 dalam amalan membaca. Laporan Bank Dunia 2019, mencatatkan 13 peratus pelajar di peringkat sekolah rendah atas, tidak memiliki kemahiran membaca. Kajian juga memperlihatkan minat membaca dalam kalangan remaja dan kanak-kanak semakin menurun.

Laporan terkini yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia menunjukkan meskipun 95 peratus penduduk Malaysia bertaraf celik huruf dan boleh membaca, namun rakyat Malaysia hanya membaca 20 buah buku setahun; meningkat sedikit daripada membaca 15 buah buku setahun pada tahun 2014.

Amalan membaca merupakan pintu untuk menerima hikmah dan kebijaksanaan daripada Allah SWT dan akan membawa kebaikan yang banyak bagi mereka yang telah menerimanya seperti maksud ayat 269 surah al-Baqarah:

“Dia (Allah) memberikan hikmah (kebijaksanaan) atau ilmu yang berguna kepada sesiapa yang dikehendaki Nya. Maka, sesungguhnya yang diberi hikmah itu dia benar-benar telah mendapat kurnia (kebaikan) yang banyak”.

Mimbar menyeru ummah beberapa peringatan berikut:

**Pertama:** Meletakkan niat ikhlas mencari keredaan Ilahi mendekatkan diri dengan Nya melalui amalan membaca sebagai ibadah yang mentaati wahyu Ilahi.

**Kedua:** Mewujudkan persekitaran yang boleh menyemai minat dan memupuk budaya membaca sejak daripada usia kanak-kanak sebaik mereka boleh bertutur, dengan membacakan satu cerita setiap hari sebelum mereka tidur, memberi hadiah berbentuk buku, bertanyakan soalan dan menjadikan tajuk bualan mengenai bahan-bahan yang dibaca oleh anak-anak.



**Ketiga:** Mendidik dan memperbetulkan niat membaca dalam kalangan anak-anak untuk mendapatkan ilmu dan bukan sekadar untuk lulus peperiksaan.

**Keempat:** Memberi dorongan, bimbingan dan galakan melalui perbagai acara dan pertandingan berteraskan buku.

**Kelima:** Melengkapi dan memberi peruntukan kewangan yang munasabah untuk perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah, dibekali dengan bahan bacaan yang menarik serta semasa, dan tidak dibiarkan sebagai bangunan usang yang tidak bernyawa.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنِ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>6</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** kurniai kami akal yang sihat dan minda yang cerdas. Kurniai kami sifat mencintai ilmu dan gemar membaca sehingga menjadi budaya dalam hidup kami. Limpahi kami ilmu yang bermanfaat yang membawa kepada kemajuan hidup dan kebahagiaan dunia akhirat.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.